




Taasub melampau kepada mahzab, kepuakan dan bahasa telah membutakan hati manusia sehingga tergamak untuk memalsukan hadis.



Oleh MUHD AZMAN MOHD NAWI

MENYANDARKAN sesuatu perkara kepada Nabi Muhammad SAW sedangkan perkara tersebut bukan daripada Baginda adalah dilarang. Ini kerana, hukuman bagi orang yang berdusta di atas nama Rasulullah



tempatnyanya di neraka.

Banyak hadis berkaitan larangan berdusta di atas nama Nabi SAW, sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud: "Barangsiapa yang berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Di dalam sebuah hadis yang lain Baginda bersabda: "Barangsiapa yang berkata di atas namaku yang mana aku tidak pernah mengucapkannya maka siaplah tempatnya di dalam neraka." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan dalil di atas, jelas wujud ancaman yang cukup keras kepada pendusta-pendusta terhadap hadis Nabi.

Pencipta hadis palsu

sedang mempersiapkan tempatnya di neraka

ANEKDOT

8 KRITERIA HADIS PALSU

Perkara ini dapat dikesan sama ada pada sanad, juga matan hadis dan dinukilkan daripada kitab Ulum al-Hadith oleh Prof Dr Muhammad Abu Laith iaitu:

1. Pada Sanad: Iqar atau pengakuan daripada perawi tersebut bahawa dia telah mencipta hadis tersebut. Terbukti daripada pengakuannya bahawa dia telah berdusta. Contohnya, seperti katanya: bahawa dia telah mendengar hadis ini daripada syekh sekian di tempat sekian, sedangkan syekh tersebut diketahui tidak pernah masuk atau sampai ke tempat tersebut.

2. Perawi tersebut terkenal sebagai pemalsu hadis Nabi SAW.

3. Pada Matan:

- Teks hadis bercanggah dengan al-Quran, usul-usul dan kaedah-kaedah agama.
- Teks hadis bercanggah dengan teks hadis sahih yang lain.

- Teks hadis bercanggah ijmak para sahabat.
- 4. Bertentangan dengan naluri, penyaksian dan ilmu sains (penemuan ilmiah moden yang sahih dan tidak bertentangan dengan al-Quran, hadis dan sumber-sumber utama di dalam agama).
- 5. Teks tersebut tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith yang muktabar.
- 6. Kelemahan pada susunan lafaz dan juga makna.
- 7. Di dalam teks hadis terkandung perkara-perkara yang dilihat melampau yang mustahil bagi seorang Nabi SAW mengucapkan kata-kata tersebut.
- 8. Di dalam teks hadis terkandung perkara bidaah yang diada-adakan dan tidak mempunyai asal serta perawi tersebut termasuk di dalam orang yang menyeru kepadanya.

Pemalsuan yang memesongkan akidah

Ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan dan Perlis, Dr

Kamilin Jamilin berkata, pemalsuan hadis amat berbahaya kerana ia boleh memesongkan akidah Muslim.

Menurut beliau, terdapat tiga elemen asas yang menjadikan hadis palsu tersebar dalam masyarakat Islam, iaitu kerana politik, taasub dan kepuakan.

Apa yang berlaku ujarnya, selepas era khilafah yang mencetuskan peperangan, mendorong orang untuk memalsukan hadis Rasulullah untuk menyokong fahaman kumpulan masing-masing.

"Bagaimana hadis juga boleh digunakan di dalam politik untuk meyakinkan ideologi kumpulan masing-masing yang akhirnya menyebabkan ketidaksepakatan berlaku dan menyebabkan Islam berpecah belah," katanya dalam program Di Sebalik Isu Bersama FY bertajuk 'Polemik Hadis' yang disiarkan di platform Sinar Harian awal Julai lalu.

Turut menjadi panel ialah **Ustaz Mohammed Noor Mohammed Deros** yang merupakan antara Pengasas Sidang Kalam, manakala **Finaz Yunus** selaku



DR KAMILIN

moderator.

Menurut Kamilin, sifat taksub kepada mazhab, kepuakan dan bahasa turut membutakan hati manusia sehingga tergamak memalsukan hadis.

"Ibnu Jauzi ada menyebut tentang hadis-hadis palsu, contohnya ada yang benci bahasa Arab, lalu mencipta hadis, 'kalau ALLAH murka DIA akan turunkan wahyu dalam bahasa Arab, tetapi kalau

ALLAH suka, DIA akan turunkan wahyu dalam bahasa Parsi,' Ini contoh taasub kepada bahasa," katanya.

Sembunyikan kekufuran

Jelasnya lagi, permusuhan terhadap Islam seperti itulah mendorong golongan berkenaan menyembunyikan kekufuran dan menzahirkan keislaman demi merasakan Islam dari dalam.

"Sebagaimana tercatat dalam sejarah, Abdul Karim bin Abu al-Auja yang mengaku pernah memalsukan sekitar 4,000 hadis sebelum dihukum bunuh," kata beliau.

Tambahnya lagi, ada juga dalam kalangan penglipura, penceramah-penceramah yang suka bercerita.

"Mereka terdesak untuk membawa cerita yang boleh menghiburkan sehingga



sanggup mencipta hadis. Ini bukan berlaku sekarang tetapi sudah lama wujud," katanya.

Kamilin berkata, malah ada pelbagai lagi golongan orang soleh dan baik tetapi disebabkan kejahilan ilmu hadis dan agama tergamak mempermudah (dengan berhujjah) daripada sudut hadis.

"Biasanya kita akan tengok orang ini zuhud, soleh dan fokus kepada ibadah tetapi lemah daripada penguasaan ilmu hadis dan periwayatan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai siapa yang hendak dirujuk (apabila berhadapan kemelut ini), Kamilin berkata, orang awam tidak tahu untuk membezakan siapakah ahli hadis yang sebenar.

"Tuntutan dan tanggungjawab kita adalah untuk mencari. Kita nak menerima hadis riwayat seseorang itu, antara aspek utama yang perlu dilihat ialah daripada sudut agama, pertuturan dan ilmunya. Adakah dia seorang yang mempunyai kredibiliti dari sudut penyampaian.

Manakala, keduanya kita lihat dari sudut kemampuannya adakah dia seorang yang tekun, tajam dan kritis.

"Biasanya dalam isu hadis palsu ini orang yang biasa dengan hadis, akan mampu mengenal pasti sama ada itu hadis palsu atau tidak.


"Macam saya sendiri, saya sudah berbelas tahun di dalam bidang ini. Apabila ada sesuatu yang meragukan, saya akan semak balik, di situlah antara peranan orang awam," katanya.



MOHAMMED NOOR

Pembawakan Islam yang diresntui Barat

Dalam pada itu, gerakan subversif pembenci Islam juga tidak pernah duduk diam. Antaranya, Rand Corporation




kertas kerja 'Civil Democratic Islam' yang menggariskan beberapa langkah untuk mensabotaj kebangkitan Islam dan diganti dengan pembawakan Islam yang diresntui Barat.

Strategi mereka ialah mewujudkan polemik hadis yang tidak berkesudahan antara golongan agamawan, dan mengheret golongan awam kepada pertikaian luar biasa terhadap kefahaman agama.

Mengulas perkara ini, **Pengasas Sidang Kalam, Ustaz Mohammed Noor Mohamméd Deros** berkata, satu satunya perkara yang boleh dilakukan oleh umat Islam ialah kekal bersatu dan jangan sekali-kali leka.

"Kita adalah pengamal Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia, yang berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah *salaf* serta *khataf* (Asya'irah dan Maturidiyyah),

"Justeru, kembalilah kepada prinsip yang telah dipersetujui. Masalah umat Islam pada hari ini ialah mereka mengakui Asya'irah atau Maturidiyyah tetapi dalam isu hadis ini tidak mengikut ulama



RAND CORPORATION sanggung sensitiviti umat Islam dengan penghasilan kertas kerja kontroversi 'Civil Democratic Islam'

Pedoman Hari Ini

ALLAH SWT berfirman:

"Dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya ALLAH tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."

(Surah al-A'raf, ayat 31)

KEDUDUKAN & DEFINISI HADIS PALSU

Kedudukan hadis palsu adalah seburuk-buruk hadis dhaif sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama seperti:

1 Imam Ibn Salah (643 H) berkata yang bermaksud: "Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya hadis palsu adalah termasuk di dalam hadis-hadis dhaif yang paling buruk (al Muqaddimah)."

2 Imam al-Nawawi (676 H) juga berkata yang bermaksud: "Hadis palsu adalah hadis yang direka atau dicipta dan ia adalah seburuk-buruk hadis dhaif." (Tadrib al-Rawi)

3 Kata Imam al-Baiquiny di dalam hadis palsu adalah: Pendustaan yang

mengeluarkan



RUJUKLAH kitab hadis muktabar untuk mendalami ilmu hadis

mereka mengikut salah satu idealisme *Rand Corporation* juga.

"*Rand Corporation* giat mempromosi sufisme. Bukan sufisme versi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menganjurkan penyucian jiwa, tetapi sufisme versi *Rand Corporation* yang dimasukkan elemen batiniah atau falsafah. Di situ kita melihat tidak ada penghormatan kepada tradisi ilmu hadis seperti yang telah disepakati, "Untuk bersatu kita harus jujur dengan prinsip bersama. Jangan izinkan hadis diserang," tegas beliau lagi.

Pupuk minat agar ghairah belajar hadis

Pandangan Ustaz Mohammed Noor di

sokong oleh Dr. M. J. Najari, Majlis Mengelakkan umat Islam tersasar di dalam amal ibadat dan sentiasa berada di landasan yang lurus, mereka perlu meluangkan masa belajar hadis dan sirah nabi:

"Untuk mempelajari ilmu ini tidaklah memerlukan kefahaman mendalam. Cuma minat perlu dipupuk sedikit demi sedikit, lama kelamaan diri akan menjadi ghairah untuk mendalami hadis, lalu kita akan patuh dan menjaga Sunnah Rasulullah SAW.

Beliau memetik firman ALLAH yang bermaksud: "*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-KU yang lurus maka ikutlah! Jangan kamu ikuti jalan-jalan (yang lain) yang akan mencerai-beraikan kamu daripada jalan-NYA. Demikian DIA memerintahkan kepadamu agar kamu bertakwa*" (Surah al-An'am, ayat 153)

hadis mawdu'.

4 Menurut Imam al-Baiquniy, hadis mawdu' atau palsu ini ialah hadis dusta yang direka dan ia disandarkan kepada Nabi SAW.

5 Menurut Syeikh Sayyid Abd al-Majid al-Ghouri di dalam kitabnya menyatakan bahawa hadis palsu adalah: "Hadis yang tidak datang daripada Nabi SAW sama ada ia berbentuk ucapan, perbuatan, taqir dan ia disandarkan kepada Nabi SAW secara tersalah, sengaja, kejahilan dan juga muslihat." (Mu'jam al-Musthalahat al-Hadithiyah)

Sumber: (Irsyad Al-Hadith Siri Ke-249: Hadith Mawdu' (Palsu), daripada laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan)

Sejarah Pemalsuan Hadis Nabi SAW

IRSYAD al-Hadith Siri Ke-249: Hadith Mawdu' (Palsu), di laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan mencatatkan: telah diriwayatkan lebih daripada 100 orang sahabat Nabi Muhammad SAW akan hadis yang menceritakan berkaitan ancaman terhadap orang yang berdusta di atas nama Rasulullah SAW.

Sejarawan merekodkan pemalsuan hadis Nabi bermulanya apabila berlakunya fitnah yang membawa kepada pembunuhan Saidina Uthman bin Affan RA.

Ini kerana, pada waktu itu golongan al-Ahwa' (golongan yang mengikut hawa nafsu) telah mencipta hadis palsu dan mengakibatkan berlakunya perpecahan.

Jelaslah kepada kita bahawa hadis palsu ini direka lalu disandarkan di atas nama Nabi secara dusta sama ada berbentuk ucapan,

perbuatan dan iqrar Nabi SAW sedangkan ia tidak pernah datang daripada Baginda.

Hukum meriwayatkan hadis palsu

Para ulama menyatakan, setelah status kepalsuan hadis itu diketahui, maka haram bagi kita untuk meriwayatkannya, melainkan bagi menjelaskan akan kepalsuannya.

Ini merupakan pendapat Imam Ibn Salah, Imam al-Nawawi, al-Suyuthi (911 H) dan ramai lagi termasuk ulama-ulama hadis masa kini.

Hukum ini terbina berdasarkan hadis-hadis berkaitan larangan keras Rasulullah terhadap pendustaan di atas nama Baginda.

Sebagai muslim yang cintakan Rasulullah, wajib kita menjaga nama dan peribadi Baginda daripada dicemari pendustaan dan pemalsuan golongan yang tidak bertanggungjawab.

Sebagaimana disebut di dalam sebuah hadis: yang bermaksud: "*Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia kasih kepadaku lebih daripada dia kasih kepada ibubapanya, anaknya dan manusia keseluruhannya.*" (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Umat Islam juga wajib mengenalpasti sumber dan status (hukum) sesuatu hadis sebelum diajar, ditular atau disebarkan.

Dengan cara ini kesucian agama Islam akan terjaga dan pada masa yang sama dapat mengelakkan daripada terjebak dengan golongan yang menyeleweng dan ingin menghancurkan Islam.

Hadis palsu merupakan peringkat hadis dhaif yang paling buruk. Hukum meriwayatkan hadis palsu adalah haram dan akibatnya akan dicampakkan ke dalam neraka di akhirat kelak.